

Rakyat lahir di negara subur tidak patut miskin

Oleh NIZAM HAMID

4 OCT 2002

MELAKA 3 Okt. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, rakyat negara ini tidak sepatutnya menjadi miskin kerana mereka dilahirkan di dalam sebuah negara yang tanahnya subur dan jarang sekali dilanda bencana alam.

Malah katanya, peluang kerja juga terlalu banyak sehinggakan rakyat tempatan boleh memilih dan enggan bekerja di dalam bidang tertentu.

“Tidak ada sebab kita harus miskin, peluang kerja banyak hingggakan rakyat asing datang ke negara ini kerana orang kita tidak mahu bekerja,” katanya pada majlis perasmian Taman Buah-Buahan Tropika Melaka di Selandar dekat sini hari ini.

Menurutnya, rakyat Malaysia sebenarnya bernasib baik kerana dianugerahkan tanah yang subur, tidak ada gunung berapi dan juga tidak dilanda malapetaka alam seperti ribut taufan serta banjir besar.

Sebab itulah katanya, rakyat negara ini perlu bersyukur kerana Tuhan telah memberi banyak rahmat dan kini terpulang kepada mereka untuk berusaha merubah diri atau menambahkan pendapatan.

Beliau percaya, sekiranya rahmat Tuhan itu dimanfaatkan sebaik-baiknya, rakyat akan dapat meningkatkan pendapatan mereka walaupun tidak boleh menjadi jutawan.

Perdana Menteri turut mengingatkan mereka yang mahu melibatkan diri dalam bidang pertanian agar menjadi usahawan tani yang berjaya dengan mengusahakannya secara efisien.

“Tanah pertanian mesti digunakan secara efisien supaya tanaman diusahakan itu boleh mengeluarkan hasil yang banyak,” ujarnya.

Sehubungan itu katanya, kerajaan menyokong sebarang usaha yang boleh memajukan sektor pertanian seperti penanaman tomato di dalam rumah kaca kerana ia hanya melibatkan keluasan tanah yang kecil tetapi hasilnya lebih tinggi daripada cara penanaman biasa.

“Kerajaan sentiasa bersedia membantu dan juga membuat eksperimen serta memperkenalkan tanaman baru,” ujarnya.

Dr. Mahathir menambah, para petani juga perlu memikirkan cara mendapatkan pendapatan sampingan melalui penghasilan jus atau mengeringkan buah-buahan bermusim yang kadangkala keluar serentak sehingga harganya jatuh ataupun terbiar busuk.

Katanya, gabungan tanaman dan mengusahakan ternakan lembu atau ayam juga boleh mendatangkan hasil sampingan termasuk najis ternakan yang boleh dijadikan baja.

Taman Buah-Buahan Tropika Melaka seluas 152 hektar itu diusahakan sejak dua tahun berkonsepkan sebuah ladang buah-buahan tropika yang moden, komersial dan berteknologi serta menarik untuk dikunjungi.